



SOHBAH OLEH HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

LOVING HIM ﷺ IS A WORSHIP MENCINTAI RASULULLAH ﷺ ADALAH IBADAH

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,
Anzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Raheem,
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhammadin Sayyidul Awwalin wal Akhirin,
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,
Sheykh Abdullah Dagbestani, Sheykh Nazim al-Haqqani. Dastur.
Tariqatunas sohba, wal khayru fil jamiyya.*

Sesiapa yang mencintai Junjungan kita Rasulullah ﷺ adalah orang orang yang diterima dan (terpilih). Allah ﷻ memerintah kita untuk menghormati, memuliakan dan mencintai Hadrat Rasulullah ﷺ. Allah ﷻ menyuruh kita agar kita mencintai Rasulullah ﷺ lebih daripada diri kita cinta diri sendiri.

Manusia kini menjejaki langkah Syaithan dan tidak menghormati Rasulullah ﷺ. Mereka dengan angkuh menyatakan Junjungan kita Rasulullah ﷺ hanyalah seorang manusia biasa seperti kita semua. Dia telah mangkat dan telah tinggalkan kita. Tetapi pada hakikat nya memuliakan Dia adalah perintah Allah ﷻ. Rasulullah ﷺ adalah kekasih dan Hamba Allah ﷻ yang kekal abadi.

Mencintai Dia adalah suatu ibadah dan amalan yang baik. Mempunyai sifat benci terhadap nya adalah berdosa dan akan mengundang kebencian Allah kepada anda. Allah ﷻ aka menyiksa anda di dunia ini dan anda akan menghadapi berbagai penyakit dan masalah di dunia ini. Kekayaan dengan harta benda dan anak pinak tidak akan menyelamatkan anda.

Junjungan kita Rasulullah ﷺ datang dari satu kaum yang mempunyai banyak suku. Bila Rasulullah ﷺ muncul ke hadapan untuk memimpin, mereka tidak menerima Dia kerana Dia adalah seorang yang miskin. Mereka sombong dan angkuh kerana mereka terdiri dari orang yang kaya raya. Allah ﷻ mencela mereka dalam Al Quran Karim. Allah ﷻ berfirman (dalam Surah Al Muddathir):



SOHBAH OLEH
HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

{ذَرْنِي وَمَنْ خَلَقْتُ وَحِيدًا (١١) وَجَعَلْتُ لَهُ مَالًا مَمْدُودًا (١٢) وَبَنِينَ شُهُودًا (١٣) وَمَهَّدْتُ لَهُ تَمْهِيدًا (١٤) ثُمَّ يَطْمَعُ أَنْ أَزِيدَ (١٥) كَلَّا إِنَّهُ كَان لَأَيْتِنَا عَنِيدًا (١٧)}

Firman Allah dalam Surah Al-Muddaththir;

{(Jangan engkau bimbang wahai Muhammad) biarkanlah Aku sahaja membalas orang (yang menentangmu) yang Aku ciptakan dia (Al Walid Bin Al Mughirah Al Makhzumi – Abu Jahal) (dalam keadaan) seorang diri (tidak berharta dan anak pinak), (11) Dan Aku jadikan baginya harta kekayaan yang banyak, (12) Serta anak pinak (yang ramai), yang sentiasa ada di sisinya. (13) Dan Aku mudahkan baginya (mendapat kekayaan dan kekuasaan) dengan semudah-mudahnya. (14)Kemudian dia ingin sangat, supaya Aku tambah lagi; (15) Tidak sekali-kali (akan ditambahi)! Kerana sesungguhnya dia menentang dengan degilnya akan ayat-ayat Kami (Al-Quran, yang disampaikan oleh Rasul Kami). (16) }

Apa makna ‘anid? (Ayat 16) ‘Anid makna nya degil. Allah ﷻ berfirman dia hanya layak masuk neraka. Sesiapa yang telah baca Al Quran keseluruhan nya akan baca ayat dan surah tersebut.

Semua yang dia milik dan semua harta nya tidak akan mendatangkan faedah. Walaupun anak anak nya menjadi Muslim, ia tidak akan menjadi manfaat bagi nya kerana dia menjadikan diri nya musuh ketat kepada Hadrat Rasulullah ﷺ. dan telah melukakan Rasulullah ﷺ. Mereka adalah orang kafir daripada golongan kaum Quraysh. Walaupun kaum Quraish adalah kaum Rasulullah ﷺ ia tidak mendatangkan faedah.

Beri perhatian wahai orang orang yang terpelajar dan mengaku diri sebagai Muslim! Mereka yang “terpelajar” akan melaungkan kefahaman mereka dalam isu agama tetapi hakikat nya mereka adalah Muslim yang jahil. Jangan memperlekehkan tariqa dan jangan berkata “Itu lah tariqa. Ahli tariqah tidak berilmu,” Kita juga belajar dan kita faham. Orang orang Quraysh lebih pandai dari anda, lebih kaya, tetapi itu semua tidak mendatangkan faedah. Tidak ada nilai nya jika anda tidak menghormati dan mencintai Rasulullah ﷺ.



SOHBAH OLEH HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

Rasulullah ﷺ adalah kekasih Allah ﷻ dan Hamba yang teramat dicintai Allah ﷻ. Sebenar mencintai Dia adalah suatu perkara yang senang. Membenci dia adalah suatu amalan yang buruk dan tidak disenangi. Bila anda mencintai Rasulullah ﷺ ia adalah suatu sarana dan suatu cara yang amat berkesan dan mustajab untuk memperolehi kasih sayang Allah ﷻ. Jika anda mencintai Rasulullah ﷺ dan mencintai hamba hamba Allah yang di kasehi Allah, maka Allah ﷻ akan mencintai anda.

Jika anda mencintai seorang di dunia ini, maka besar kemungkinan orang itu akan balas kasih sayang anda. Apatah lagi kasih sayang Allah. Dia pasti akan membalas kasih sayang anda. Mencintai Rasulullah ﷺ adalah satu perjalanan yang baik, yang senang. Moga Allah kurniakan kepada kita kasih sayang ini. Moga Allah sayangi kita semua dan kita mohon juga kasih sayang Rasulullah ﷺ InsyaAllah

Wa Minallah at-Tawfeeq.

Al-Fatiha.

Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil

19 January 2016 / 9 Rabiul Akhir 1437

Akbaba Dargah, Sabah Namaz